

# USAHA ORGANISASI ISLAM DALAM PENYEBARAN WASATIYYAH

جهود المنظمات الإسلامية في نشر الوسطية

Oleh : Hidayat bin Shafie<sup>1</sup>

## Pengenalan

Islam merupakan sebuah agama yang mementingkan keamananan sejagat dan kesejahteraan ummah. Namun realitinya perbalahan dan perpecahan ummah tetap berlaku hingga ke hari ini. Lebih membimbangkan lagi munculnya puak-puak yang meninggalkan al-Quran dan As-Sunnah dan bersikap ekstrem terhadap aliran pemikiran yang dipegang. Walaubagaimana pun perbezaan pendapat dan perpecahan ummah bukanlah suatu perkara yang baru muncul di era globalisasi ini. Ini kerana, setelah kewafatan Rasulullah S.A.W dan para Khulafa' al-Rasyidin lagi dapat disaksikan bahawa telah berlakunya pertelingkahan ummah sehingga munculnya pelbagai aliran pemikiran. Fenomena ini menghasilkan tiga aliran utama, iaitu satu aliran asal dan dua aliran baru, hasil daripada tindak balas. Aliran asal itu ialah aliran Wasat iaitu yang menepati kebaikan dan keadilan, manakala dua aliran baru itu pula ialah Ifrat iaitu berlebihan dan aliran Tafrit iaitu pengabaian. Al-Imam Ibnu al-Qayyim berkata dalam kitabnya<sup>2</sup>:

*“Sebahagian ulama salaf berkata: “Apa yang diperintahkan oleh Allah, pasti syaitan akan mengganggu dengan dua tarikan; sama ada ke arah pengabaian ataupun ke arah berlebihan. Syaitan menganggap mana-mana daripada dua perkara ini sebagai kejayaan, iaitu pertambahan atau pengurangan.” (Ibnu Qayyim, t.t)*

Sedangkan kesucian dakwah Rasulullah SAW ialah berlandaskan Basirah iaitu hujah yang nyata. Hakikat ini digambarkan oleh Allah dalam pelbagai ayat di dalam al-Quran. Antara lain ialah firman Allah dalam Surah Yusuf 12:108) yang bermaksud:

*“Katakanlah: Inilah jalan (agama)ku, aku dan orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata. Maha Suci Allah, dan aku tiada termasuk orang yang musyrik.”*

Dunia masa kini pula telah memasuki suatu era yang penuh kemelut dan pergolakan hingga Islam dan umatnya menjadi sasaran utama elemen Islamofobia dan kebencian (ElKaleh & Samier, 2013; Kamal Hassan, 2015; Roslan Mohd Nor, 2010). Tidak cukup dengan itu, Islam telah dicanangkan dan dilabelkan mengikut pandangan dunia Barat melalui gelaran-gelaran seperti *Political Islam*, *Moderate Islam*, *Feminist Islam*, *Progressive Islam*, dan *Secular Islam* (Rahimin Affandi, 2003; Kamal Hassan, 2015). Ini ditambah pula dengan isu-isu yang berlaku sejak kebelakangan ini, yang mana pelbagai bentuk pemikiran dan gejala yang meruntuhkan moral masyarakat kian bertambah dan mudah disebarkan kepada orang ramai secara ekstrim

---

<sup>1</sup> Pensyarah di Unit Pendidikan Islam & Moral, Jabatan Pengajian Am. Politeknik Malaysia Kampus Merlimau.

<sup>2</sup> lihat : Madarij al-Salikin, oleh Ibnu Qayyim, 2/ 108

seolah-olah masyarakat sudah tidak mempunyai panduan hidup (Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid, & Syed Mohamaed Syafeq Syed Mansor, 2008). Arus kemodenan di seluruh dunia termasuk Malaysia telah menyebabkan persaingan dalam segala aspek seperti kepimpinan, ekonomi, politik, kebudayaan, pendidikan, keagamaan, dan pembangunan pada tahap yang semakin mencabar (Adewale, 2014). Fenomena ini telah membawa kepada konsep konflik persaingan yang ekstrim dan kurang sihat seperti sebilangan agamawan menggunakan pendekatan takfir sebagai satu cara untuk mengalahkan lawannya dalam persaingan politik kepartian (Ahmad Zaki, 2003), ideologi ekstrem Kumpulan Al Arqam, Demonstrasi Jalan Pergerakan Reformasi, tindakan radikal kumpulan Al-Ma'unah (Mansor, 2005), sikap fanatik dan menyesatkan pegangan aliran mazhab fekah yang lain (Khadher Ahmad, 2016), penyelewengan aspek kebebasan hak asasi manusia untuk memenuhi kehendak dan keperluan kumpulan tertentu seperti tuntutan Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia (COMANGO) (Nasharudin Mat Isa, 2014) dan ancaman kumpulan militan Daesh (Sauffiyah, 2016).

Maka dengan itu, dalam menempuh era globalisasi yang kian mencabar ini, proses transformasi ke arah pembangunan sejagat amat dititikberatkan oleh kementerian malah mula diberi perhatian oleh pelbagai pihak seperti ahli politik, ekonomi, pendidikan, dan sosio budaya (Abdullah Md Zin, 2015). Justeru, konsep wasatiyyah telah diisytiharkan sebagai guiding principle atau prinsip pedoman kepada gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' (Idris Haron, 2014). Gagasan 1Malaysia adalah satu agenda yang merangkumi pakej perpaduan, pembangunan, kemakmuran, keamanan, dan keselamatan sebagai kesinambungan usaha dalam membina Negara bangsa yang bersatu-padu serta memiliki sahsiah yang kukuh (Najib Razak, 2009). Lantaran itu, menjadi keperluan bagi umat Islam menyelusuri manhaj wasatiyyah dalam menangani gejala-gejala liberalisme dan ekstremisme yang kian menular dewasa kini.

## **LATAR BELAKANG SEJARAH USAHA PENERAPAN NILAI-NILAI WASATIYYAH DI MALAYSIA**

Fenomena kebangkitan Islam yang berlaku di sebahagian besar dunia Islam pada tahun 1970-an dan 1980-an, merupakan antara faktor utama yang menjadi pencetus pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam di Malaysia. Terdapat kekhuatiran dalam UMNO sebagai parti yang mengetuai pemerintahan demokrasi di Malaysia, jika parti tersebut tidak bertindak balas terhadap desakan kembali kepada Islam, fenomena ini boleh mengancam kelangsungannya.

Inilah antara faktor utama yang mendorong UMNO melaksanakan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam bagi membolehkannya turut serta dalam arus kebangkitan Islam (Ibrahim Ahmad, 1989). Setelah mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohammad dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 1 Julai 1981, beliau telah melaksanakan dasar yang meletakkan Islam sebagai agenda utama dalam pentadbiran negara. Ini memulakan satu era apabila Malaysia dikenali oleh masyarakat dunia sebagai sebuah Negara Islam berbanding dengan era kepimpinan sebelumnya (Hussin, 1993). Perbezaan yang ketara antara beliau dengan perdana menteri

sebelumnya terletak pada pendekatan mereka melaksanakan dasar-dasar Islam. Inilah julung-julung kalinya seorang pemimpin negara mengisytiharkan secara terbuka dasar baru berhubung kedudukan dan peranan Islam dalam masyarakat yang merangkumi bidang ekonomi, pentadbiran, politik, undang-undang, pendidikan, sains dan teknologi di Malaysia.

Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang dilaksanakan pada 1982, merupakan dasar yang menekankan kepada reformasi mental dan spiritual masyarakat Melayu dengan mengambil prinsip-prinsip Islam sebagai teras pelaksanaan dasar kerajaan (Mauzy & Milne, 1983). Dalam konteks pembangunan insan dan pembangunan fizikal, dasar ini telah merubah secara fundamental lanskap negara dari segi ekonomi, politik, pendidikan, budaya kerja dan pentadbiran negara.

Dalam aspek pembangunan insan, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang diambil dari prinsip-prinsip Islam seperti amanah, tanggungjawab, bersih, tekun dan disiplin diimplementasikan menerusi pembinaan jatidiri umat Islam dan kakitangan kerajaan untuk lebih menghayati dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Dalam aspek pembangunan fizikal, dasar ini dilaksanakan dengan mewujudkan institusi pendidikan Islam atau sistem pendidikan yang berpaksikan kepada Islam seperti penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan bantuan kewangan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR). Turut diwujudkan institusi kewangan Islam seperti penubuhan Bank Islam, Takaful dan sistem pajak gadai Islam.

Objektif utama dasar ini adalah untuk menanamkan semangat cintakan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian umat Islam. Umat Islam digalakkan melakukan kebaikan, dan menjauhi keburukan, membentuk sikap yang berguna kepada negara. Selain itu mereka digalakkan menghapus sikap yang negatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan. Mereka juga digalakkan menghasilkan perkhidmatan yang bermutu, melatih diri dengan disiplin tinggi dan menjalankan amanah dengan dedikasi (Azali, 1986). Dengan penanaman nilai-nilai murni Islam ini akan dapat mewujudkan kesedaran di kalangan umat Islam dalam usaha meninggikan lagi syiar Islam di Malaysia.

Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam merupakan dasar baru yang bertujuan mengubah sikap umum masyarakat termasuklah dalam perjuangan hidup, cara bekerja, sifat tanggung jawab dan amalan yang dilakukan oleh mereka sepanjang hayat. Idea yang mencetuskan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari mempunyai kaitan yang erat dengan pemikiran tentang perkembangan tamadun Islam dan hubungkaitnya dengan persoalan mutakhir yang berlaku di Malaysia dan dunia Islam pada awal tahun 2000-an. Setelah dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 pada 31 Oktober 2005, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah menjadikan Pendekatan Islam Hadhari sebagai agenda peribadi yang cuba dilaksanakan sebagai agenda negara.

Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan secara rasminya oleh Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika berucap dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-55 pada 23 September

2003. Dalam ucapannya untuk kali pertama sebagai pemimpin nombor satu UMNO, beliau tidak sekadar memperkenalkan pendekatan ini kepada para perwakilan dan pemerhati yang hadir, dan malahan turut menghuraikan sepuluh prinsip yang terkandung di dalam Pelaksanaan Islam Hadhari. Sebagai seorang pemimpin yang baru dilantik menerajui negara Pendekatan Islam Hadhari telah dijadikan landasan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi untuk memperkenalkan nilai-nilai Islam yang universal. Dengan pendekatannya beliau berhasrat menjadikan Malaysia sebagai model bagi membangunkan masyarakat yang berteraskan tamadun Islam melalui pembangunan modal insan yang terancang. Di peringkat antarabangsa pula, sebagai pengerusi OIC, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah menggunakan pelbagai kesempatan bagi memperkenalkan Pendekatan Islam Hadhari kepada negara anggota pertubuhan Islam tersebut sebagai satu wahana untuk penyelesaian pelbagai masalah yang sedang melanda dunia Islam pada ketika ini (Abdullah, 2007).

Dari segi idealismenya, Pendekatan Islam Hadhari bermatlamat bagi mewujudkan sebuah negara dengan bangsanya yang bertamadun dan berwibawa. Pendekatannya juga bertujuan bagi menonjolkan ciri-ciri sebuah masyarakat moden dalam usaha meningkatkan kualiti sumber insaniah yang celik teknologi dan maju dalam bidang sains. Sepuluh prinsip Islam Hadhari yang digariskan bermatlamat bagi melahirkan masyarakat Islam moden yang mampu bersaing dalam dunia yang semakin mencabar. Walaupun pendekatan ini dikaitkan dengan pembinaan tamadun umat Islam, namun prinsip yang digariskan turut memberikan ruang yang luas kepada pembelaan hak golongan minoriti dan kaum wanita. Pendekatan Islam Hadhari dianggap amat tepat pada masanya kerana pelaksanaannya dilakukan ketika umat Islam sedang diasak dengan pelbagai label dan unsur-unsur negatif selepas peristiwa 11 September 2001. Pendekatan Islam Hadhari yang dilaksanakan di Malaysia yang bersifat moderat dianggap mampu memberikan wajah Islam yang universal yang boleh dijadikan model dan dapat diterima oleh segenap lapisan masyarakat (Abdullah, 2007).

Apabila Dato Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengambil alih sebagai Perdana Menteri, beliau telah memperkenalkan dua konsep asas: Konsep 1Malaysia dan Konsep Wasatiyyah atau Konsep Kesederhanaan; tetapi bukan 'moderation' sebagaimana yang difahami oleh sarjana Barat. Sewaktu merasmikan Konvensyen Wasatiyyah sempena dengan sambutan Satu Melenium Islam di Kepulauan Melayu dalam tahun 2011, Perdana Menteri Malaysia telah menjelaskan pandangannya tentang Wasatiyyah seperti berikut (Mohd Najib Tun Abdul Razak 2012):

*Ummatan wasatan merupakan umat yang sederhana, adil, tidak berat sebelah dalam hal dunia dan akhirat serta berimbang dalam seluruh aspek kehidupan. Berdasarkan kepada konsep ini, kita diseru agar mengimbangi antara tuntutan rohani dan jasmani serta hambatan dunia dan akhirat, kerana keseimbangan dan kesederhanaan ini amat penting dalam mewujudkan perpaduan dan keharmonian hidup, lantas menentukan kejayaan individu, keluarga, masyarakat dan negara.*

Dalam hubungannya dengan pembangunan negara, dan pembangunan modal insan, Wasatiyyah bererti sederhana, adil, dan di tengah-tengah di antara dua jejak kehidupan. Ianya tidak bermaksud bahawa konsep ini membenarkan kita untuk melakukan sesuatu secara tidak serius dan tidak sungguh-sungguh. Wasatiyyah bererti kita perlu melaksanakan sesuatu tanggungjawab dengan sungguh-sungguh, berterusan, dan dengan iltizam yang sepenuhnya, supaya ianya akan menghasilkan natijah yang terbaik dan cemerlang, tetapi tidak mengabaikan agama dan tuntutan budaya kita. Malah, agama dan budaya merupakan motivasi dan pendorong utama dalam segala amalan kita. Keseimbangan antara keperluan dunia dan persediaan diri untuk menuju ke akhirat; di antara keperluan spiritual dan keperluan kebendaan; di antara kemampuan akal yang berfikir secara rasional dengan ilmu wahyu; di antara keperluan masyarakat dengan keperluan peribadi; di antara keperluan keluarga dengan keperluan negara; dan pelbagai keperluan seterusnya.

Penubuhan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) yang diumumkan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan salah satu inisiatif terbaru kerajaan mempromosikan gerakan kesederhanaan dan keseimbangan dalam semua aspek kehidupan. Selain institut itu yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, Najib turut mengumumkan penubuhan Kursi Wasatiyyah di Universiti Malaya (UM) serta Yayasan Pergerakan Kesederhanaan Global. Penubuhan Institut Wasatiyyah ini akan berperanan memberi tumpuan terhadap aspek kesederhanaan dan keseimbangan menerusi rasa hormat terhadap demokrasi, peraturan dan undang-undang, pendidikan, maruah dan harga diri seseorang serta keadilan sosial. Perdana Menteri mengatakan penubuhan Kursi Wasatiyyah di UM bertujuan melahirkan lebih ramai sarjana dan cendekiawan yang menerajui semangat kesederhanaan dan keseimbangan seperti tokoh Islam terkemuka al-Imam Ibnul Qayyim manakala penubuhan Yayasan Pergerakan Kesederhanaan Global (GMM) pula bagi mengangkat peranan GMM sebagai pusat penyatuan kepada usaha menentang keganasan dan ekstremis sama ada yang digerakkan oleh agensi kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Perdana Menteri juga memberi penekanan terhadap gerakan kesederhanaan atau wasatiyyah bukanlah bermaksud perlu menjadi lemah atau mengalah sebaliknya semakin berani untuk melangkah ke depan dan mencipta sesuatu yang lebih baik. Ini kerana kesederhanaan dan keseimbangan juga merupakan pendekatan terbaik dalam menolak fahaman ekstremis kerana keganasan tidak boleh didepani dengan keganasan kerana ia hanya akan mengakibatkan lebih banyak kemusnahan.

Terbaru, Perdana Menteri melancarkan Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman (KSCIP) dan telah mula beroperasi dalam usaha menangkis pengaruh ekstremis dan membetulkan persepsi masyarakat dunia terhadap Islam. Penubuhan KSCIP adalah rentetan lawatan Raja Arab Saudi iaitu Raja Salman Abdul Aziz Al Saud ke negara ini. KSCIP akan melibatkan para ilmuwan, pihak akademik, pihak risik dan juga pusat-pusat tertentu di peringkat serantau dan antarabangsa. Pembinaan KSCIP yang ditetapkan bagi tempoh dua tahun ini mempunyai kaitan rapat dengan pelancaran Pusat Global Bagi Memerangi Ideologi Ekstremis di Mu'tamarat, Nasiriyah, Riyadh. KSCIP tidak hanya fokus kepada aspek ketenteraan tetapi juga elemen

akademik dan peranan utamanya ialah membanteras ancaman penganas dan penyebaran dakwah dan ideologi golongan ekstremis dan penganas.

## **USAHA ORGANISASI DAN ILMUWAN DALAM MEMURNIKAN DASAR WASATIYYAH**

Dalam melaksanakan gagasan wasatiyyah, kerajaan telah bertanggungjawab dalam merancang dan menyusun pelbagai pendekatan dan strategi bagi menjayakan dasar wasatiyyah. Ini menunjukkan bahawa tapak asas pembinaan dasar wasatiyyah di Malaysia telah pun wujud dan wacana tentang wasatiyyah telah menjadi aliran perdana. Namun, kita tidak mampu untuk menafikan kelemahan dan kekurangan yang ada. Organisasi-organisasi Islam dan para ilmuwan wajib membantu pihak kerajaan bagi memastikan dasar wasatiyyah ini berada di landasan manhaj yang benar dan memberi impak yang terbaik kepada ummah. Ini bermakna kerjasama yang erat hendaklah wujud dalam penyertaan masyarakat terutama yang diwakili oleh pelbagai organisasi seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau dikenali sebagai Pertubuhan Masyarakat Awam. Oleh yang demikian, kerjasama dari NGO Islam sangat berperanan penting bagi merealisasikan pendekatan wasatiyyah dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

NGO adalah badan bukan kerajaan atau organisasi swasta yang bertindak secara sukarela, tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik. Ia ditubuhkan bagi memelihara atau memperjuangkan sesuatu matlamat yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah masyarakat atau lebih khusus, NGO menjalankan kegiatan untuk pembangunan masyarakat. Sehubungan dengan ini, terdapat beberapa NGO Islam seperti PERTUBUHAN AL-KHADEM<sup>3</sup>, PERTUBUHAN ILMUAN MALAYSIA<sup>4</sup>, YAYASAN TAALIM<sup>5</sup> dan seumpamanya yang berperanan dalam bidang politik, kebajikan, dakwah serta pendidikan untuk menyatupadukan dan membangunkan umat Islam di Malaysia di atas manhaj wasatiyyah. Di antara asas-asas yang diambil kira dalam pewujudan Dasar Wasatiyyah Negara<sup>6</sup> adalah seperti berikut:

### **i) Perpaduan dan Integrasi Nasional**

Perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia perlu dipikul dan dijunjung bersama-sama oleh semua pihak tanpa ada sebarang perselisihan terutamanya perbezaan pemikiran, ideologi dan pegangan siyasah yang membawa kepada perpecahan dan memusnahkan integrasi dalam kalangan rakyat Malaysia (Dasar Wasatiyyah Negara, 2017). Kempen ke arah wujudnya perpaduan, penolakan terhadap budaya politik fitnah dan hijrah kepada politik matang di antara parti-parti politik di Malaysia terutama yang melibatkan orang Melayu-Islam serta muamalah patuh syarak antara rakyat - pemimpin dilihat begitu konsisten disuarakan oleh PERTUBUHAN ILMUAN MALAYSIA (iLMU). Ibrah dari sirah yang merakamkan perpaduan yang diusahakan oleh Rasulullah saw di antara Aus dan Khazraj yang terkenal permusuhanannya disatukan atas

---

<sup>3</sup> Sila lawati : <http://www.al-khaadem.com.my/>

<sup>4</sup> Sila lawati : <http://ilmuanmalaysia.com/>

<sup>5</sup> Sila lawati : <http://yayasantaalim.blogspot.my/>

<sup>6</sup> Sila lawati : <http://iwm.jpm.gov.my/iwm/content/dasar-wasatiyyah-negara>

dasar Islam, maka tidak mustahil ia boleh dilaksanakan di antara kem politik Melayu-Islam di Malaysia (Fathul Bari, 2013). Manakala antara solusi utama kepada perpecahan yang disebabkan pemikiran dan ideologi adalah kembali kepada akidah yang benar (Riduan, 2011).

Dalam isu hubungan Islam (Melayu) dan bukan Islam (bukan Melayu) pula, polemik penggunaan kalimah Allah oleh Kristian, labelan kafir harbi kepada DAP dan terkini isu dobi muslim menunjukkan NGO-NGO dan ilmuwan Islam dilihat lebih responsif melalui sesi dialog dan wacana ilmiah untuk menerangkan kepada masyarakat berkenaan isu ini terutama menerusi media sosial. Walaupun di sana wujud individu atau kumpulan yang bersikap ekstrem seperti ASWAJA<sup>7</sup> yang mempertikai titah sultan selaku pemerintah negeri menutup polemik dengan kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang sehingga menimbulkan polemik baru di antara JAKIM dengan Istana Johor. Maka pendekatan wasatiyyah di atas manhaj yang benar perlu dipromosikan kepada umum. Usaha ini perlu dibuat dengan mempromosi dan mewujudkan kesedaran melalui media cetak dan media elektronik seperti penerbitan artikel di akhbar serta media sosial.

## **ii) Ancaman Pemikiran Ekstremisme dan Liberalisme Yang Melampau**

Isu-isu ancaman pemikiran ekstremisme dan liberalisme melampau dewasa ini semakin membimbangkan. Gerakan Militan Islamic State (IS) atau 'Daesh' antaranya merupakan aliran pemikiran yang lebih ekstrem dan keganasan tanpa had. Kumpulan ini mensasarkan generasi muda sebagai tumpuan dan sasaran. Malahan, sebilangan anak-anak muda mudah terpengaruh menyertai IS di media sosial (Dasar Wasatiyyah Negara, 2017). Ancaman ini berpunca disebabkan wujudnya kelompok-kelompok berimejkan Islam tetapi berfahaman Khawarij. Fahaman Khawarij amat berbahaya kerana boleh memecah belahkan umat dan mampu mencetuskan huru-hara di dalam negara kerana sikap mereka yang terlalu mudah menuduh orang Islam lain kafir, fasik dan sesat (Fathul Bari, 2016).

Bahaya pemikiran khawarij perlu diwacanakan di peringkat nasional oleh para ilmuwan, NGO Islam dan agensi kerajaan supaya akar pemikiran yang ekstrem dan radikal ini dapat dibendung di peringkat awal lagi. Para ulama berbeza dalam mendefinisikan khawarij, namun secara umum dapat disimpulkan bahawa khawarij adalah salah satu golongan dari umat Islam yang mengkafirkan pelaku dosa besar dan keluar dari pemerintahan yang sah.<sup>8</sup> Adapun dinamakan khawarij kerana mereka keluar (khuruj) dari pemerintah yang sah. Meskipun mereka beranggapan bahawa sebab penamaan khawarij adalah kerana mereka keluar (khuruj) dari rumahnya untuk berjihad di jalan Allah<sup>9</sup>, tetapi hakikatnya mereka keluar bukan dalam rangka berjihad di jalan Allah, tetapi keluar dari ketaatan kepada kepemimpinan kaum muslimin yang sah. Berdasarkan hadis-hadis Nabi saw, di antara ciri-ciri khawarij ialah suka mencela dan

---

<sup>7</sup> Sila rujuk : <https://www.facebook.com/ASWAJAMALAYSIA/>

<sup>8</sup> Lihat Fikrul Khawarij Was Syiah Fie Mizani Ahlis Sunnah, Dr Ali As Shalabi, (cet 1; 1429 H) Dar. Andalus, hal. 13-14  
Sumber: <https://muslim.or.id/26706-mengenal-khawarij-1.html>

<sup>9</sup> Khawarij berdakil dengan firman Allah dalam surat An Nisa ayat 100  
Sumber: <https://muslim.or.id/26706-mengenal-khawarij-1.html>

menghukum sesat, berperasangka buruk (su'udzan), berlebihan dalam beribadah, keras terhadap kaum muslimin, jahil mereka tentang agama, muda umurnya dan berakhlak buruk<sup>10</sup>

Justeru, label salafi-jihadi yang diberikan kepada kumpulan Daeish atau ISIS adalah sesuatu yang perlu dinilai semula dan penggunaan label khawarij adalah lebih tepat dengan fakta ilmiah. label salafi-jihadi kepada kelompok ekstremis adalah tindakan yang menyelisihi manhaj wasatiyyah, mengandungi unsur eksploitasi ilmu serta lebih cenderung kepada acuan orientalis Barat yang sentiasa skeptikal kepada Islam dan umatnya. Ini kerana salaf dan jihad merupakan istilah yang terdapat di dalam nas-nas syarak yang membawa pengertian yang terpuji.

Justeru para ilmuwan dan NGO perlu menganjurkan persidangan, seminar, dialog dan siri latihan berkaitan bahaya pemikiran khawarij di pelbagai peringkat. Siri Syarahan Ulama yang menampilkan tokoh-tokoh ilmuwan dari luar negara yang konsisten menentang ideologi khawarij seperti Syeikh Salim bin Eid al-Hilali<sup>11</sup> dan Syeikh Ali Hassan al-Halabi<sup>12</sup> telah dianjurkan oleh sebuah badan pengajian dan penyelidikan ilmiah iaitu YAYASAN TAALIM bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang bahaya fahaman khawarij. Selain itu, pengalaman dan kepakaran negara luar yang menghadapi ancaman fizikal dari kelompok khawarij al-Qaeda dan Daesh seperti Arab Saudi perlu diambil manfaat. Maka penubuhan Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman (KSCIP)<sup>13</sup> hasil kerjasama strategik di antara Malaysia - Saudi merupakan tindakan yang tepat. Manakala PUSTAKA ILMUSALAF<sup>14</sup> bergiat aktif menjalankan projek penterjemahan dan penerbitan karya-karya ulama ahlu sunnah yang begitu tegas menolak fahaman khawarij, ekstremisme dan radikalisme untuk diedarkan kepada kumpulan-kumpulan strategik dan peserta-peserta program ilmu.

Begitu juga fahaman Liberalisme melampau dan Pluralisme yang menekankan hak-hak kebebasan dan kesamarataan dalam politik, liberalisme ekonomi dan sosial. Aliran ini menerima konsep kebebasan secara mutlak seperti dalam beragama, seksual, berfikir, dan bersuara yang menjadi agenda perjuangan mereka. Justeru, IWM akan berperanan sebagai 'One Stop Centre' dalam mengenalpasti pola-pola pemikiran yang pelbagai dalam masyarakat dan mengetengahkan penyelesaian yang konstruktif bagi mendepani permasalahan tersebut (Dasar Wasatiyyah Negara, 2017).

Di antara polemik yang berlaku di Malaysia dalam isu ini ialah penubuhan Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia (COMANGO)<sup>15</sup> yang membuat tuntutan mengenai hak kebebasan bagi golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT), hak kebebasan murtad bagi orang Islam, menuntut kebebasan untuk mengamalkan ajaran sesat Syiah, penghapusan hak

---

<sup>10</sup> Dinukil dari kitab Zhahirah al-Ghuluw fi ad-Dien fi al-'Ashri al-Hadits, hal 99-104, Muhammad Abdul Hakim Hamid, cet I, th 1991, Daarul Manar al-Haditsah Sumber: <https://almanhaj.or.id/3969-sifat-sifat-khawarij.html>

<sup>11</sup> Sila rujuk : <https://doandzikir.wordpress.com/2011/01/18/biografi-syaikh-salim-ibn-eid-al-hilali/>

<sup>12</sup> Sila rujuk : [https://id.wikipedia.org/wiki/Ali\\_bin\\_Hasan\\_Abdul\\_Hamid\\_al-Halabi](https://id.wikipedia.org/wiki/Ali_bin_Hasan_Abdul_Hamid_al-Halabi)

<sup>13</sup> Sila rujuk : <http://midas.mod.gov.my/event/news2/157-king-salman-centre-for-international-peace-kscip-meeting>

<sup>14</sup> Sila lawati : <http://www.pustakailmusalaf.com/>

<sup>15</sup> Sila rujuk : <https://ms.wikipedia.org/wiki/COMANGO>

Melayu dan apa saja yang menyentuh keutuhan agama Islam dan kedaulatan perlembagaan mendapat perhatian dan reaksi masyarakat di Malaysia termasuk pihak kerajaan. Tindakan kerajaan menyekat kemasukan ke Malaysia seorang tokoh liberal dari Indonesia iaitu Ulil Absar Abdalla<sup>16</sup> dan tindakan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menyerbu, menggeledah dan merampas buku tulisan seorang tokoh liberal iaitu Irshad Manji<sup>17</sup> bertajuk 'Allah, Kebebasan dan Cinta' dan 'Allah, Liberty and Love' pada 23 Mei 2012 menunjukkan kesungguhan pihak kerajaan, organisasi awam dan NGO menolak liberalisme melampau di negara ini.

### **iii) Persepsi dan Publisiti Negatif terhadap Islam**

Muktahir ini, imej Islam di mana-mana sahaja dipaparkan dalam bentuk negatif, ditambah lagi dengan fenomena Islamofobia yang menular dalam kalangan masyarakat antarabangsa. Justeru, tanggapan yang disebabkan oleh prasangka dan menurut emosi dengan membelakangkan fakta yang akhirnya melahirkan sikap prejudis yang menghasilkan tindakan yang melampau (Dasar Wasatiyyah Negara, 2017). Sehubungan dengan itu, tanggungjawab memperbetul persepsi ini dan mengetengahkan imej sebenar Islam menjadi tugas besar dan diberikan keutamaan oleh NGO Islam di Malaysia. Justeru, peranan untuk mempromosi pendekatan wasatiyyah dan merancang aktiviti serta program bersama semua pihak bagi menangkis persepsi tersebut secara efektif dan berkesan perlu dilaksanakan.

Di Malaysia, Islamofobia juga terus berlaku di mana insiden-insiden yang melibatkan sensitiviti agama antara menjadi halangan bagi mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat yang pluralistik. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa media mempunyai pengaruh yang sangat kuat membentuk persepsi masyarakat. Media yang dikuasai oleh pihak yang prejudis kepada Islam sudah pasti akan menggunakan saluran ini untuk menanamkan perasaan kebimbangan dan kebencian kepada Islam. Ini ditambah lagi dengan gerakan Islamofobia yang mendapat pembiayaan yang lumayan oleh pihak-pihak tertentu. Di antara punca berlakunya Islamofobia ialah kelemahan dan kurang penyebaran maklumat mengenai Islam. Media-media kebanyakannya dimiliki oleh bukan Islam dan sering kali Islam ini diberikan liputan yang negatif. Didapati juga media tidak mempunyai maklumat yang tepat mengenai keganasan oleh gerakan agama yang lain bahkan tiada data yang lengkap negara Islam yang menjadi mangsa keganasan akibat daripada Islamofobia. Media yang dimiliki institusi Islam pula pada hakikatnya adalah kurang efisien dan kurang berjaya menampilkan program-program yang mampu memperbetulkan persepsi negatif masyarakat terhadap Islam.

Manifestasi Islamofobia di Malaysia berlaku dalam pelbagai bentuk. Umpamanya, parti DAP dalam keadaan bekerjasama dengan parti PAS masih tetap tidak bersetuju dengan pelaksanaan hukum hudud. Ini ditambah dengan kenyataan keras Dato' Seri Chua Soi Lek yang terang-terangan telah menghina undang-undang Islam. Dilaporkan juga terdapat segelintir pihak

---

<sup>16</sup> Sila rujuk : [https://en.wikipedia.org/wiki/Ulil\\_Abshar\\_Abdalla](https://en.wikipedia.org/wiki/Ulil_Abshar_Abdalla)

<sup>17</sup> Sila rujuk : [https://en.wikipedia.org/wiki/Irshad\\_Manji](https://en.wikipedia.org/wiki/Irshad_Manji)

termasuk pimpinan agama lain yang menghina Islam seperti anggapan undang-undang Islam terlampau bodoh dan kuno dan sebagainya. Beberapa akhbar harian juga ada yang menerbitkan gambar yang sensitif kepada umat Islam seperti masakan babi dalam 'Ramadhan Delights' di akhbar 'the Star'. Didapati juga kes-kes melibatkan penghinaan terhadap Islam lebih-lebih lagi melalui laman sosial seperti 'Facebook' dan 'Twitter' yang semakin hari semakin menjadi-jadi. Manifestasi Islamofobia di Malaysia ini ada juga dizahirkan dalam bentuk yang lain iaitu dengan menafikan hak berpakaian muslim dalam pertandingan renang di sebuah kompleks sukan di Selangor. Kes yang melibatkan kakitangan sebuah hotel terkemuka yang ditamatkan perkhidmatan kerana memakai tudung juga antara insiden yang boleh diklasifikasikan sebagai Islamofobia.

Seiring dengan inisiatif di peringkat antarabangsa, Malaysia juga mengorak langkah untuk terlibat sama dalam usaha memerangi Islamofobia. Malaysia telah menyokong Deklarasi dari Mesyuarat Penyelarasan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Bagi Negara Anggota OIC Yang Menentang Islamofobia di Ibu Pejabat PBB, New York pada 24 September 2010. Dalam masa yang sama, Malaysia juga telah melancarkan "Global Movement of the Moderates". Di peringkat masyarakat sivil pula, badan bukan kerajaan telah awal-awal lagi menubuhkan 'Allied Coordinating Committee of Islamic NGO's' (ACCIN) iaitu gabungan badan bukan kerajaan Islam untuk bersama-sama menjadi pemantau Islamofobia di Malaysia. Pada waktu ini, Malaysia sedang dalam perancangan di bawah inisiatif Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk menubuhkan badan atau gerakan menangani dan memantau isu Islamofobia. Gerakan ini akan dinamakan sebagai "Malaysia Islamofobia Observatory" untuk diselaraskan dengan "OIC Islamofobia Observatory" dan seterusnya "United Nation Islamofobia Observatory".

Walaupun telah wujud inisiatif untuk mengatasi Islamofobia di peringkat tempatan dan antarabangsa, bahagian ini mengesyorkan beberapa cadangan bagi melengkapkan usaha-usaha sedia ada. Institusi Islam, individu dan pihak yang bertanggungjawab dalam dakwah Islam perlu menggembleng tenaga secara intensif bagi menggerakkan pelbagai aktiviti dan program tangani Islamofobia. Pendekatan yang perlu dilaksanakan juga perlulah bermodelkan 'konsep wasatiyah' atau kesederhanaan dan berbentuk pendidikan dan dakwah. Konsep wasatiyah dan pendekatan dakwah dan pendidikan ini akan dapat mewujudkan persepsi dan kefahaman masyarakat terhadap Islam. Pendekatan radikal, agresif dan berbentuk kekerasan bukan sahaja menimbulkan fitnah dan salah faham terhadap Islam, malahan hanya menjadi pencetus kepada persepsi buruk dan benci terhadap Islam dan orang Islam itu sendiri (Zulkifli Hasan, 2013)

#### **iv) Eksploitasi Ilmu**

Gejala mengeksploitasi ilmu dan agama atas kepentingan individu dan organisasi telah melahirkan ketaksuban dan fanatik melampau yang menggugat kestabilan dan keharmonian dalam masyarakat. Malah, ia menjadi faktor penghalang dalam memahami tafsiran wasatiyyah dalam masyarakat (Dasar Wasatiyyah Negara, 2017). Di antara punca masalah eksploitasi ilmu

ini berkembang di Malaysia ialah bilamana pelajar yang belajar di luar negara mengimport ideologi ekstrem dan polemik di luar negara ke negara kita.

Sebagai contoh Ajaran Ahbash<sup>18</sup> yang masuk ke negara kita melalui mereka yang belajar di Lebanon dan terpengaruh dengan aliran ini. Ahbash adalah antara aliran yang terkenal mudah mengkafirkan orang lain. Ahbash adalah aliran atau puak yang berpusat di Lebanon yang diasaskan oleh seorang lelaki habsyi atau negro yang dikenali dengan nama Abdullah al-Harari. Mereka mendakwa merekalah Ahlus Sunnah wal Jama'ah sejati dan sesiapa yang berbeza pendapat dengan mereka menjadi sesat atau kafir. Ahbash juga telah membelanjakan wang dengan menjemput tokoh-tokoh agama Malaysia ke tempat mereka serta dibekalkan buku-buku mereka. Maka sindrom ahbash ini mula merebak dengan aktif dalam masyarakat ini apabila kelompok 'ahbash' mendapat tempat dalam sesetengah pihak berkuasa agama dan ruang kuliah dan ceramah di masjid dan surau (Asri, 2009).

Bagi mengatasi fenomena ketaksuban yang boleh mendorong kepada pemikiran yang melampau dan boleh mengganggu gugat interaksi sosial dalam negara, maka NGO Islam perlu memainkan peranan untuk memperbanyakkan siri-siri dialog dan wacana yang berteraskan ilmu dan fakta ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang rasional dan berpengetahuan. Oleh itu, bagi menangani isu-isu mutakhir yang berlaku di Malaysia ini, Dasar Wasatiyyah Negara adalah keputusan yang tepat diwujudkan demi melahirkan masyarakat Malaysia yang harmoni berlandaskan prinsip-prinsip dalam wasatiyyah sendiri iaitu Kesederhanaan, Pertengahan, Keseimbangan, Keadilan dan Kecemerlangan.

Di antara langkah untuk menyekat budaya eksploitasi ilmu di Malaysia ialah dengan memperkukuhkan bahan ilmiah dan memantapkan bahan rujukan. Justeru, penyelidikan dan kajian tentang kesederhanaan dan keseimbangan dalam bidang agama, undang-undang, pendidikan dan sosial perlu dijalankan. Selain itu, usaha-usaha mengumpulkan dan mengkatalog bahan-bahan berkaitan wasatiyyah juga dibuat bagi memantapkan bahan rujukan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa pihak NGO Islam turut memainkan peranan mereka dalam merealisasikan dasar wasatiyyah di Malaysia. Perbincangan hanya menumpukan kepada beberapa NGO sahaja, walau pun sebenarnya banyak lagi NGO Islam lain yang turut memainkan peranan mereka. Semua aktiviti pelaksanaan dasar wasatiyyah yang diusahakan oleh NGO Islam adalah dalam bentuk amal jamaie kerana sebagai NGO Islam, ia bergerak secara berterusan dan didukung atas manhaj at-Taşfiyah<sup>19</sup> (pemurnian) dan at-Tarbiyah (pendidikan)

---

<sup>18</sup> Sila Rujuk : <http://faiq-asyraf.blogspot.my/2011/02/fatwa-para-ulama-sedunia-terhadap-puak.html>

<sup>19</sup> 1) Pemurnian aqidah Islam dari suatu yang tidak dikenal dan telah menyusup masuk ke dalamnya, seperti kesyirikan, pengingkaran terhadap sifat-sifat Allah swt atau penakwilannya, penolakan hadis-hadis sohih yang berkaitan dengan aqidah dan lain sebagainya. 2) Pemurnian ibadah dari berbagai macam bidaah yang telah mengotori kesucian dan kesempurnaan agama Islam. 3) Pemurnian fiqh Islam dari segala bentuk ijihad yang keliru dan menyelisih Al-Qur-an dan As-Sunnah, serta pembebasan akal dari pengaruh-pengaruh taqlid dan kegelapan sikap fanatisme (jumud).4) Pemurniaan kitab-kitab tafsir Al-Quran, fiqh, kitab-kitab yang berhubungan erat dengan raqaa'iq (kelembutan hati) dan kitab-kitab

untuk mewujudkan khayru ummah.

Hal ini selaras dengan kebiasaan cara pandang NGO Islam yang menjadikan manhaj aqidah sebagai acuan utamanya dalam menilai sesebuah dasar atau pendekatan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Sebagai sebuah badan yang tidak terikat dan bebas dengan mana-mana kepentingan politik, perspektif NGO Islam adalah di atas dasar memperjuangkan dan membela kepentingan umat Islam. Dalam konteks ini, NGO Islam telah memainkan peranannya dalam menyuarakan pendirian yang berdasarkan kepada manhaj yang benar tanpa mengambil kira elemen-elemen politik yang wujud dalam persekitarannya. Oleh itu, sekiranya kerajaan mengeluarkan sesebuah dasar atau pendekatan yang selaras dengan prinsip-prinsip Islam tanpa mengambil kira keuntungan politik ke atasnya, maka dasar atau pendekatan ini akan mendapat sokongan oleh Ilmuwan Islam termasuklah NGO Islam. Justeru hal ini harus disadari oleh para ilmuwan Islam dan masyarakat Islam umumnya. Dalam usaha mencapai keamanan global, sikap ekstrem dan taksud golongan-golongan pelampau yang tersisih dari landasan wasatiyyah haruslah diatasi dan dicari penyelesaian. Kepelbagaian dan kemajmukan yang dimiliki oleh Malaysia adalah keunikan hidup secara aman dalam melaksanakan dasar wasatiyyah. Lantaran Islam menggariskan hak-hak kebebasan beragama dan menghormati perbezaan, namun nilai-nilai murni universal seperti akhlak dan moral, adat dan norma hidup sosial yang harmoni perlu dipertahankan dan dipelihara dan menjadi salah satu isu dalam aktiviti NGO Islam.

Kebaikan dan keadilan inilah yang dinyatakan oleh Allah, antara lain dalam ayat berikut (Al-Baqarah 2:143) yang bermaksud:

“Dan demikianlah (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil lagi pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.”

Begitulah umat Islam ini disifatkan dengan sifat wasatiyyah yang membawa maksud al-Khairiyyah iaitu kebaikan dan al-‘adalah iaitu keadilan serta *al-tawassut bayn al-Ifrat wa al-Tafrit* iaitu pertengahan antara melampau dalam berlebihan dan melampau dalam berkurangan seperti yang dirumuskan oleh Dr Muhammad Ba Karim dalam kitabnya Wasatiyyah Ahlis Sunnah. Inilah juga yang ditekankan oleh al-Imam Ibn al-Qayyim dalam kitabnya seperti yang dinukilkan Perdana Menteri beberapa minggu lalu bahawa:

“wasatiyyah iaitu kesederhanaan atau keseimbangan bermakna tidak terlalu berlembut dan tidak terlalu ekstrem adalah seperti sebuah oasis di antara dua gunung.”<sup>20</sup>

---

lainnya dari hadis-hadis lemah dan palsu, serta dongeng Israiliyyat dan kemungkaran lainnya. (Pandangan Syaikh al-Imam Muhammad Nashiruddin al-Albani, seorang Mujaddid (pembaharu), ahli Hadis dan pelopor Sunnah pada abad ini. Beliau wafat pada hari Sabtu, 22 Jumadil Akhir 1420 H (2 Oktober 1999 M), dalam usia 88 tahun, رحمه الله تعالى.)

<sup>20</sup> Madarij al-Salikin, Ibni Qayyim, 2/496

Umat Islam yang bersifat wasatiyyah ialah umat yang berpegang kuat kepada kebaikan yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Perkara ini juga dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya (Ali Imran 3:110) yang bermaksud:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).”

Ayat ini menunjukkan bahawa kebaikan yang ada pada umat yang sederhana ini ialah apabila adanya perintah kepada kebaikan dan larangan daripada kemungkaran. Ini adalah satu amanah iaitu mengajak kepada makruf iaitu perkara baik yang diketahui oleh Rasulullah SAW dan sahabat. Seterusnya menghindari daripada mungkar iaitu perkara buruk yang bukan menjadi kebiasaan Baginda SAW dan sahabat dalam urusan agama.

Wasatiyyah memerlukan keikhlasan. Wasatiyyah juga menuntut agar umat Islam menepati kebenaran yang dijunjung oleh Rasulullah SAW dan sahabat. Rasulullah SAW telah menyatakan perkara ini dengan sabdanya yang bermaksud:

“Kumpulan yang unggul ialah yang menepati peganganku dan pegangan sahabatku”<sup>21</sup>

Kebenaran yang dijunjung dan diamalkan ini mestilah disampaikan walaupun pahit, sesuai dengan perintah Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Ucaplah yang benar walaupun pahit”<sup>22</sup>

Justeru, Wasatiyyah bukanlah menyesuaikan Islam dengan suasana, sebaliknya menyesuaikan suasana dengan Islam. Sifat wasatiyyah inilah yang menjadikan umat Nabi Muhammad SAW dipanggil menjadi saksi terhadap sengketa antara Rasul dan umat mereka di hadapan Allah kelak. Di dalam sebuah hadis, apabila umat Islam ditanya:

“Apa hujah kamu bagi kenyataan itu?” Mereka menjawab: “Nabi kami datang kepada kami dan memberitahu bahawa semua rasul telah menyampaikan wahyu, lalu kami membenarkannya.”

Maka itulah firman Allah yang bermaksud:

“Dan demikianlah (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil lagi pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.”<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> Hadis riwayat al-Tirmizi (no. 2641) dan dihukum Hasan oleh al-Albani

<sup>22</sup> Hadis riwayat al-Baihaqi dalam al-Targhib wa al-Tarhib (no. 2233) dan dihukum Sahih Li Ghairih oleh al-Albani

<sup>23</sup> Hadis direkod oleh al-Suyuti dalam al-Jami' al-Saghir dan dihukum Sahih oleh al-Albani dalam Sahih al-Jami' al-Saghir (no 8033).

## RUJUKAN

Abdullah Md Zin. 2015. Dasar Wasatiyyah disebar luas di semua kementerian. 20 Julai 2015. Dipetik dari akhbar online <http://mynewshub.cc/2015/07/20/dasar-wasatiyyah-disebar-luas-di-semua-kementerian/#gs.qQEjUcU>

Idris Haron. 2014. Pemacu Peradaban Negara dan Majlis Pelancaran Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Negeri Melaka. Seminar Pendekatan Wasatiyyah. 18 Februari 2014. Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka.

Najib Razak. 2009. Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Terbitan Pejabat Perdana Menteri. Dipetik dari [www.1malaysia.com.my](http://www.1malaysia.com.my).

Ibrahim Ahmad. 1989. *Konflik UMNO-PAS dalam Isu Islamisasi*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.

Hussin Mutalib. 1993. *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*. Singapore: National University of Singapore.

Mauzy, Diana K. dan R.S. Milne. 1983. The Mahathir Administration in Malaysia: Discipline Through Islam. *Pacific Affair*, jil. 56, bil. 4.

Azali Atan. 1986. *Islam, Politik dan Pentadbiran: Satu Tinjauan Mengenai Proses Penerapan Nilai-nilai Islam di Malaysia*. Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan). Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. UKM.

Abdullah Ahmad Badawi. 2007. *Islam Hadhari Approach: Towards A Progressive Islamic Civilisation*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Mohd Najib Abdul Razak. 2012. Amalkan kesederhaan berimbang. Dlm. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Paimah Atoma & Hariza Mohd Yusof (Pnyt.). *Islam dan Wasatiyah*, hlm. 17. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Fathul Bari Mat Jahya. 2013. Pembawa Islam Seru Perpaduan. An-Nasihah. Dipetik Dari Akhbar Online Sinar Harian 17 Feb 2013

Riduan Khairi. 2011. Bersatu Padu Atas Akidah Yang Benar. Dipetik Dari Akhbar Online. <http://www.sinarharian.com.my/SH/com/content/story8560008.asp>

Fathul Bari Mat Jahya. 2016. Waspada pengaruh 'khawarij' Moden. Dipetik Dari Akhbar Online. <http://www.utusan.com.my/mobile/rencana/agama/waspada-pengaruh-8216-khawarij-8217-moden-1.196589>

Fadlan Mohd Othman. 2012. Dipetik Dari Akhbar Online.  
[http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kesederhanaan\\_keseimbanganhindarkemunggaran/Article](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kesederhanaan_keseimbanganhindarkemunggaran/Article)

Mohd Asri Zainul Abidin. 2009. Dipetik Dari Akhbar Online. Bahaya Pemikiran Kelompok Ahabash  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1122&sec=Rencana&pg=re\\_08.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1122&sec=Rencana&pg=re_08.htm)

Zulkifli Hasan. 2013. <https://zulkiflihasan.wordpress.com/2013/10/05/memahami-isu-islamofobia-antara-persepsi-dan-realiti/>

Dasar Wasatiyyah Negara. 2017 Institut Wasatiyyah Malaysia 2017 Jabatan Perdana Menteri

ElKaleh E. & Samier, E. A. 2013. The Ethics of Islamic Leadership: A Cross-Cultural Approach for Public Administration. *Administrative Culture* 14 (2), 188-211.

Hassan Kamal. 2015. The concept of al-Wasatiyyah and the place of Islamic moderation. In: *Applications of Wasatiyyah in the contemporary Muslim world*. IIUM Press, Kuala Lumpur, pp. 1-43. ISBN 9789674183462

Mohd Roslan Mohd Nor. 2010. Konflik Israel: Palestin dari aspek sejarah moden dan langkah pembebasan dari cengkaman Zionis. *Jurnal Al-Tamaddun Bil. 5 (2010) 73-92*.

Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2003. Konsep Fiqh Semasa dan Penyelidikan Hukum Islam Alternatif: Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM, Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan, Siri 2. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 131-147.

Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid, & Syed Mohamaed Syafeq Syed Mansor. 2008. Keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga: Isu dan cabaran. Seminar Kaunseling Keluarga, 30 Ogos 2008. Johor Bahru, Malaysia.

Adewale, O. S. 2014. Using functional education/education to synergise religion, economy and politics towards achieving and sustaining excellence in globalised Malay and Islamic world. *Asian Journal of Social Sciences & Humanities*. Vol. 3(2), May 2014.

Ahmad Zaki Hj Abd. Latiff. 2003. Isu Kafir-Mengkafir Dan Implikasinya Dalam Perkembangan Politik Dan Sosial Masyarakat Melayu. *Jurnal Usuluddin*, Bil 17 [2003] 15-32

Khadher bin Ahmad. 2016. Fanatik Beragama Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia: Analisis Berdasarkan Pemahaman Terhadap Fiqh Alhadith International Conference On Islam In Malay World Vi (Icon-Imad Vi) 2016 20-22 September 2016H/ 18-20 Zulhijjah 1437H di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei

Nasharudin Mat Isa & Yahya Don. 2016. Amalan Wasatiyyah Dalam Kalangan Pemimpin Pelajar Universiti Awam Malaysia Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Januari 2016, Bil. 3, Isu 1

Ahmad Sauffiyan Abu Hassan. 2016. Daesh: Kebangkitan Dan Pengaruh Media Sosial Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 32 (2) 2016: 381-404